

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 23 Mac 2016

SOALAN

Dato' Ahmad Fauzi bin Zahari [Setiawangsa] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah Kementerian bercadang hendak melakukan Program Rumah Transit Gelandangan di bandar-bandar utama di seluruh negara seperti yang dilakukan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan di kawasan Kuala Lumpur.

JAWAPAN

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT Tuan Yang Dipertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mengambil maklum akan keprihatinan masyarakat terhadap golongan gelandangan dan isu-isu yang dihadapi oleh mereka. Isu gelandangan merupakan satu isu urbanisasi yang berlaku di bandar-bandar besar di seluruh dunia. Di negara kita, golongan gelandangan tertumpu sebilangan besarnya di Lembah Klang dan bandar-bandar besar lain seperti Johor Bahru, Pulau Pinang dan Kuching. KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyelamatkan dan memulihkan orang papa yang merupakan sebahagian daripada golongan gelandangan berdasarkan peruntukan Akta Orang-Orang Papa 1977. Usaha menyelamatkan golongan papa daripada operasi yang diadakan akan disusuli dengan bantuan berbentuk khidmat sokongan seperti penempatan di institusi, pemulihan, latihan kerjaya dan kaunseling dalam menangani isu ini. Antara institusi kebajikan yang disediakan oleh KPWKM ialah Rumah Seri Kenangan iaitu penjagaan dan perlindungan bagi orang papa berumur 60 tahun dan ke atas serta tidak berwaris atau waris tidak dapat dihubungi. Orang papa yang berumur di bawah 60 tahun akan ditempatkan di Desa Bina Diri untuk menjalani program pemulihan dan kemahiran. KPWKM juga telah mengambil inisiatif dengan menubuhkan sebuah pusat sehati intervensi yang dikenali sebagai Anjung Singgah di Kuala Lumpur pada tahun 2011 di bawah Yayasan Kebajikan Negara (YKN). Anjung Singgah menyediakan tempat penginapan sementara, makanan serta khidmat kaunseling dan bantuan kebajikan yang diperlukan dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berkaitan. Susulan daripada kejayaan Anjung Singgah Kuala Lumpur, perkhidmatan Anjung Singgah ini telah dikembangkan ke Kuching, Sarawak (15 Oktober 2012), Johor Bahru, Johor (9 Jun 2013) dan Pulau Pinang (9 Jun 2014). Sejak mula beroperasi pada 9 April 2011 hingga Januari 2016, sejumlah 3,215 orang gelandangan secara sukarela yang ingin mengubah kehidupan mereka telah mendapatkan khidmat bantuan sosial di empat (4) buah Anjung Singgah tersebut. YKN juga sedang dalam proses membina 2 buah lagi Anjung Singgah di Ipoh, Perak dan Kota Kinabalu, Sabah. Sesi kaunseling secara individu dan berkelompok juga telah dijalankan mengikut keperluan gelandangan tersebut. Sesi kaunseling dikendalikan oleh kaunselor bertauliah yang berdaftar dari Lembaga Kaunselor Malaysia. KPWKM mengalu-alukan dan menyambut baik usaha Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) menubuhkan Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur di Jalan Pahang, Kuala Lumpur dengan kapasiti 250 orang. Penubuhan Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur ini merupakan hasil daripada kerjasama strategik yang dijalin antara KWP, KPWKM, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Malaysian Resources Corporation Berhad dan NGO. Pusat Transit ini telah mula beroperasi pada 10 Februari 2016 dan pengoperasiannya bagi tempoh fasa pertama (Februari 2016 hingga Jun 2016) dibantu oleh YKN melalui pinjaman pegawai/kakitangan daripada YKN dengan dibantu oleh anggota sukarelawan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM). Usaha ini merupakan langkah pertama pentadbiran bandar raya moden seperti Kuala Lumpur untuk penyelesaian jangka masa pendek seperti masalah ketiadaan tempat tinggal, mencari pekerjaan dan perkhidmatan kaunseling. Tuan Yang Dipertua, KPWKM sentiasa prihatin dan menitik beratkan kesejahteraan dan kebajikan golongan ini meliputi usaha menyelamatkan, memulihkan, menasihati dan membantu golongan ini agar mereka dapat kembali semula ke pangkuan keluarga dan diintegrasikan dalam masyarakat. KPWKM berpandangan bahawa isu gelandangan ini perlu ditangani secara holistik. Selaras dengan keputusan Mesyuarat High Level Committee Majlis Sosial yang telah dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada 18 Februari 2016 yang lalu, KPWKM telah diberi tanggungjawab untuk menjadi peneraju serta menubuhkan satu badan penyelarasan/sekretariat dalam menangani isu gelandangan. Sehubungan itu, kerjasama dan penglibatan pelbagai pihak yang berkepentingan seperti agensi-agensi kerajaan dan NGO akan digembleng melalui pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan dalam menangani isu ini.

